

Keputeraan diraya dengan berbagai acara

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Rabu — Rakyat seluruh negara hari ini merayakan ulang-tahun keputeraan ke 52 Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan mengadakan berbagai acara di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah.

Seruan peribadi Kerajaan, firma-firma swasta merahiburi bendera Malaysia tando menginformati Seri Paduka Baginda.

Di **KUALA LUMPUR**, upacara bermula dengan istiadat pengumuman panji-panji kepada Maktab Tentera Diraja di Stadium Merdeka. Diakibatkan oleh kira-kira 10,000 rakyat dari segenap lapisan masyarakat.

Seri Paduka Baginda yang juga Pengerusi Tertinggi Tentera menyampaikan panji-panji melambangkan kemegahan maktab tersebut di dalam istiadat bersejarah itu. Raja Permaisuri Agong turut berangkat hadir.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Timbalannya, Datuk Seri Dr. Mahathir Muhamad, Menteri-Menteri Kabinet, Ketua-ketua perwakilan asing dan isteri masing-masing turut hadir.

Barisan

Di upacara tersebut, Seri Paduka Baginda yang lengkap dengan pakaian tertinggi tentera memeriksa barisan kehormatan seramai 10 orang pegawai dan 288 pegawai kadet lain-lain pangkat dari atas kenderaan diraja.

Seri Paduka Baginda diiringi oleh Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ghazali Mohd Seth.

Tembakan meriam 21 das dilepaskan sebaik sahaja 'hormat diraja' dipersembahkan.

Tapukan gemuruh menyelubungi stadium apabila kenderaan Diraja mengelilingi stadium di mana rakyat melambal-lambaikan tangan kepada Seri Paduka Baginda.

Selepas menjalankan istiadat menepong tawar panji-panji, ia kemudian diserahkan kepada Pegawai Kadet Ackbal bin Abd Samad.

Panji-panji tersebut kemudian diarak dalam satu perbarisan di hadapan pentas Diraja.

Di sebelah petang pula Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong meraikan tetamu khas dalam satu majlis jamuan teh Diraja di perkarangan Istana Negara.

Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir, Menteri-Menteri Kabinet, Ketua-ketua perwakilan asing dan isteri-isteri masing-masing adalah antara dua ribu orang kehormatan yang hadir.

Beberapa acara lain penyertaan semua

lapisan rakyat juga diadakan sempena perayaan tersebut. Acara sukan persembahan kebudayaan dan lain-lain diadakan mulai hari ini.

Malam ini, beribu-ribu rakyat telah keluar beramai-ramai menyaksikan persembahan kebudayaan dan pertunjukan anekaragam di Panggong Anniversary, Kebun Bunga.

Di **MELAKA**, Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Zahiruddin Syed Hassan menghadiri satu majlis jamuan teh sempena hari keputeraan tersebut.

Acara kebudayaan juga di persembahkan meraikan kira-kira 2,000 orang tetamu.

Di **JOHOR**, Tengku Bendahara, Tengku Abdul Rahman dan Hajjah Shahariah menghadiri satu majlis jamuan teh di Saujana, kediaman Menteri Besar sempena perayaan tersebut.

Menteri Besar, Tan Sri Haji Othman Saat adalah antara 1,000 orang jemputan yang hadir.

Di **IPOH**, Raja Muda Perak dan Cik Puan Besar mengetuai kira-kira 1,000 orang tetamu dalam satu majlis jamuan teh di kediaman Menteri Besar. Ahli-Ahli politik, pemimpin masyarakat dan pegawai-pegawai kerajaan turut hadir. Para tetamu juga diraikan dengan persembahan kebudayaan.

Di **PULAU PINANG**, Yang Dipertua Negeri, Datuk Dr. Awang Hassan meraikan kira-kira 2,000 orang tetamu dalam satu majlis jamuan teh di kediamannya.

Di **SABAH**, Yang Dipertua Negeri, Tun Haji Mohamed Adnan Robert mengetuai pemimpin kerajaan dan masyarakat meraikan perayaan hari keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Padang Perbandaran di Kota Kinabalu.

Di **SARAWAK**, kira-kira 1,000 orang telah mengambil bahagian dalam satu perbarisan.

Pegawai Pentadbir Kerajaan negeri, Datuk Abang Haji Marzuki Nor, dan Datuk Hajjah Nong, Ketua Menteri Datuk Amar Haji Taib Mahmud dan Datuk Laila serta Menteri-Menteri negeri menyaksikan perbarisan tersebut.

Perarakan kereta berhala juga diadakan di Fusu Bandar Sibul.